

Fokus

Laluan kerjaya luas lulusan pengajian pelancongan

Walau pernah 'runtuh' dek COVID-19 kursus kekal relevan, banyak sambutan

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
bhpendidikan@bh.com.my

Industri pelancongan dunia pernah lumpuh akibat COVID-19 yang melanda beberapa tahun lalu dan traumanya masih dirasai hingga kini.

Susulan itu, pengajian dalam bidang pelancongan dianggap 'rauh', tidak sesuai malah ada tanggapan kononnya ia hanya 'kursus lelong' bagi memenuhi kuota di institut pengajian.

Mengulas pandangan itu, Pengarah Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) Leftenan Kolonel Norizam Sekak, berkata COVID-19 adalah pengalaman buruk, namun ia tidak memudarkan minat anak muda terhadap bidang pengajian berkaitan.

Katanya, ramai masih melihat bidang itu disebabkan prospek masa depan yang jelas, apatah lagi, pelancongan sudah menjadi sebahagian daripada sumber pendapatan negara, misalnya tahun lalu saja, Malaysia berjaya menarik hampir 25 juta pelancong antarabangsa, sekali gus menunjukkan pemulihan kukuh sektor ini selepas tempoh pandemik.

Momentum positif ini berterusan apabila dalam tempoh Januari hingga Ogos 2025, jumlah pelancong antarabangsa yang berkunjung ke negara ini meningkat kepada 28.24 juta orang, iaitu peningkatan sekitar 14.5 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Dari sudut sumbangan ekonomi negara juga, tahun lalu saja perbelanjaan inbound tourism direkodkan sebanyak RM107 bilion, meliputi penginapan, makanan,

pengangkutan dan aktiviti rekreasi, sekali gus menyumbang 15.1 peratus kepada KDNK Malaysia.

Malah, pelancongan domestik turut menyumbang secara signifikan dengan 260.1 juta pelancong tempatan yang berbelanja sekitar RM106.7 bilion.

Pelbagai bidang

Pengajian pelancongan juga kata Norizam boleh terbahagi kepada pelbagai cabang. Selain Program Diploma Pengurusan Pelancongan, pelajar juga berpeluang memperoleh sijil kompetensi tambahan seperti Kursus Asas Rekreasi Luar Tahap, Kursus Kayak, Kursus Asas Pertolongan Cemas, Discovery Scuba Diving dan berkaitan pemasaran digital dan keusahawanan.

"Selain itu kita boleh lihat tindakan institusi pengajian yang proaktif termasuk melakukan penyesuaian kurikulum, ditambah pula wujudnya sokongan kerajaan dalam memperkukuhkan pendidikan dan latihan pelajar.

"Pengalaman berhadapan dengan COVID-19 mengajar pemain

bidang ini untuk beradaptasi, apatah lagi dengan ekosistem digital semasa, mengajar mereka yang menceburi bidang ini untuk lebih cepak merebut peluang.

"Berkongsi pengalaman PMM, saban tahun pengambilan pelajar dalam jurusan ini kerap kalinya melebihi jumlah norma ambilan yang ditetapkan.

"Selalunya orang akan tanya, apa prospek kerjaya? Umumnya lulusan bidang ini akan berkhidmat dalam pelbagai cabang," katanya.

Kongsi Norizam, selain memilih kerjaya sebagai pegawai atau ejen pelancongan yang mengurus jualan pakej percutian, pemandu pelancong yang berkongsi pengetahuan dan pengalaman destinasi menarik, serta pegawai operasi pelancongan yang memastikan kelancaran perjalanan pelanggan.

Tidak kurang juga bekerja sebagai pegawai pemasaran dan promosi pelancongan yang bertanggungjawab memperkenalkan destinasi tempatan selain bekerja dalam sektor perhote-

lan, syarikat penerbangan dan di agensi kerajaan.

Di Malaysia, bidang pengajian pelancongan ditawarkan di peringkat diploma dan ijazah pertama. Terdapat banyak politeknik yang menawarkan kursus ini, selain pengajian peringkat ijazah pertama di beberapa universiti awam, antaranya Universiti Teknologi Mara, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu.

Kerjaya relevan, strategik

Meninjau peranan yang lebih luas bagi lulusan bidang ini, Ketua Unit Korporat dan Pelancongan, Majlis Daerah Jelebu (MDJ) Normarlina Maarif, berkata di MDJ, unit pelancongan berperanan menerajui perancangan strategik, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif pelancongan serta komunikasi korporat MDJ selaras dengan dasar pelancongan negeri dan nasional.

"Dalam konteks Jelebu sebagai daerah, unit ini berperanan penting menyelia pembabitatan agensi, komuniti setempat dan pihak swasta bagi menjayakan program pe-

lancongan komuniti serta menilai keberkesanan acara melalui indikator seperti jumlah kehadiran, impak ekonomi dan promosi imej daerah," katanya.

Turut terangkum dalam bidang tugas katanya, termasuklah mencadangkan pembangunan infrastruktur sokongan dan kemudahan awam di kawasan pelancongan serta membangunkan pelan pembangunan produk berdasarkan keunikan tempatan.

Semua ini menjelaskan meskipun pernah berhadapan COVID-19 yang menyekat pergerakan awam, bidang pengajian pelancongan kekal menjanjikan kerjaya relevan dan strategik. Industri ini bukan sahaja menjana pendapatan negara dan membuka peluang pekerjaan, malah turut mempromosikan budaya serta keunikan tempatan di peringkat antarabangsa.

Justeru, dengan ilmu dan kemahiran yang diperoleh, ia bukan sekadar mempersiapkan individu untuk kerjaya, tetapi membantu melahirkan tenaga kerja mahir yang dapat memajukan sektor ini secara praktikal dan berkesan.

“Pengalaman berhadapan dengan COVID-19 mengajar pemain bidang ini untuk beradaptasi, apatah lagi dengan ekosistem digital semasa, mengajar mereka yang menceburi bidang ini untuk lebih cepak merebut peluang”



Norizam Sekak,
Pengarah Politeknik Merlimau, Melaka (PMM)

“Unit ini berperanan penting menyelia pembabitatan agensi, komuniti setempat dan pihak swasta bagi menjayakan program pelancongan komuniti serta menilai keberkesanan acara melalui indikator”



Normarlina Maarif,
Ketua Unit Korporat dan Pelancongan,
Majlis Daerah Jelebu